

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : PERASMIAN PERSIDANGAN PENTADBIR-PENTADBIR TANAH KETUJUH  
Lokasi : IKIM, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 05-05-1998

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwatala kerana dengan izin Nya dapat kita semua hadir dalam Majlis Perasmian Persidangan Pentadbir Tanah Kali Yang Ketujuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada penganjur kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan persidangan yang penting ini.

Tuan-tuan dan puan-puan

2. Selaku Pentadbir Tanah sudah sewajarnya Dato- Dato, tuan-tuan dan puan-puan sedar akan pentingnya tanah kepada pembangunan ekonomi negara. Dari sebuah negara pertanian, Malaysia kini menerokai bidang industri dan tanah adalah faktor utama yang menyumbang ke arah pembangunan itu. Menyedari akan hakikat ini, maka undang-undang bersangkutan tanah haruslah dilihat sebagai suatu prasarana ke arah mencapai matlamat pembangunan sesuai dengan cita-cita dan kepentingan negara, bukan sebagai penghalang kepada cita-cita tersebut. Bagitu juga, segala peraturan pentadbiran undang-undang tanah dan dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan tanah mesti dilihat sebagai pendorong dan katalis bagi mengukuh dan menjaga kepentingan ekonomi negara dan bukan pula menjadi penghalang kepada usaha-usaha untuk membangunkan negara.

3. Oleh itu Pentadbiran Tanah hendaklah mampu dan berupaya mengurus dan menyelesaikan perkara-perkara yang timbul berkaitan tanah dengan cara yang cekap, tepat dan cepat selaras dengan hasrat undang-undang dan cita-cita negara, menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai keupayaan tersebut, tuan-tuan dan puan-puan yang berada di dalam pentadbiran tanah seharusnya mengenali setiap masalah, dapat memahaminya dengan baik, mengatasinya dengan cekap dan jujur serta berkebolehan membuat penilaian semula.

4. Kerajaan sedar betapa pentingnya peranan dan tanggungjawab tuan-tuan bagi menentukan tanah dimanfaatkan untuk pembangunan negara. Beban tugas dan tanggungjawab ini telah berlipat ganda akibat pembangunan yang pesat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Sehingga ini masih lagi kedengaran rungutan orang ramai berkaitan dengan perkhidmatan pejabat-pejabat tanah, pada umumnya yang berkisar kepada persoalan kelambatan pejabat tanah mengambil tindakan atas permohonan orang awam serta kelembapan pejabat tanah dalam menguruskan permohonan-permohonan yang memerlukan keputusan pihak atasan. Pada pejabat tanah pula, alasan-alasan yang umum biasanya diberikan bersabit dengan kelambatan mereka ialah kurang kakitangan, kerumitan undang-undang, pegawai sebuk, permohonan itu tidak lengkap, menunggu keputusan Pengarah Tanah dan Galian, menunggu keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), menunggu ulasan jabatan teknikal dan sebagai lagi. Dari itu timbullah pendapat umum bahawa berurusan dengan pejabat tanah adalah susah, rumit dan memakan masa panjang. Tidak hairanlah kalau kadang kala ada pihak yang cuba memberi rasuah dengan tujuan mendapat pertimbangan istimewa dan urusan yang cepat di pejabat-pejabat tanah. Bagi orang ramai hasrat bila berurusan dengan pejabat tanah ialah mendapat keputusan.

Mereka menaruh harapan yang tinggi supaya keputusan diberi seberapa cepat yang boleh. Alasan-alasan yang diberi kenapa permohonan belum diputus akan mengecewakan mereka, terutama bagi permohonan yang telah dikemuka sekian lama ke pejabat tanah.

6. Selaku Pentadbir Tanah, tuan-tuan dan puan-puan adalah pengurus bagi organisasi pentadbiran tanah di daerah tuan. Pengurus yang baik, boleh menggerakkan tenaga kerja bagi mengeluarkan hasil yang maksima mengikut permintaan yang berubah-ubah. Ia juga harus berkemampuan menguruskan

maklumat yang banyak dengan cekap, membolehkan ia membuat keputusan yang cepat dan tepat. Pengurus juga mesti berpengetahuan dan bersedia menggunakan teknologi dalam kerja mereka. Ia juga perlu berkebolehan merancang untuk kakitangannya tentang prosidor-prosidor kerja yang jelas, tepat, melayani setiap permintaan pelanggan dan mengelak tindakan-tindakan yang bertindih-tindih. Pentadbir Tanah selaku pengurus tidak boleh lagi menjalankan tanggungjawab secara ad hoc. Oleh itu perlu adanya perancangan yang teliti dan ada sistem pemantauan daripada segi beban kerja dan masa bagi menyelesaikan sesuatu tugas. Para Pentadbir Tanah hendaklah memahami semua perundangan berkaitan tanah dan berkeyakinan mampu melaksanakannya, responsif kepada isu- isu pembangunan dan persekitaran, berfikiran positif dan bersikap proaktif dalam menyusun tindakan berkaitan pentadbiran tanah.

Tuan-tuan dan puan-puan

7. Saya suka menasihati Pentadbir Tanah supaya sentiasa mempunyai sikap yang positif, berusaha menambah pengetahuan dan sensitif kepada perubahan dan perkembangan sekeliling serta mempunyai perasaan yang sensitif kepada orang ramai yang datang membuat urusan di pejabat. Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan perlu berusaha mencari jalan mempercepat dan memperkemaskan langkah dalam proses kerja melibatkan permohonan awam supaya ia kelihatan telus.

Paparkan piagam pelanggan bagi setiap urusan atau perkhidmatan yang terdapat di pejabat, nyatakan pra syarat permohonan mereka dan proses kerja pejabat dan nyatakan hanya permohonan yang lengkap sahaja akan didaftarkan. Ini akan mengelakkan prasangka orang awam semasa berurusan dengan pejabat tanah selain daripada itu akan menjimatkan masa.

8. Saya percaya orang ramai yang berurusan dengan pejabat tanah mempunyai watak yang berbagai-bagai. Ada yang bersifat sabar dan menerima baik apa jua alasan yang diberi. Tetapi setiap kesabaran ada batasnya. Ada juga yang agresif dan menunjuk perasaan kurang senang jika urusannya belum dibuat keputusan setelah sekian lama menunggu. Apa jua sifat mereka kita perlu bersikap adil dan saksama. Bagi memastikan orang ramai mendapat layanan sewajarnya semasa berurusan dengan pejabat kerajaan, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam untuk menjadi panduan kepada semua jabatan kerajaan dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti pentadbiran awam. Salah satu daripada pekeliling tersebut ialah mengenai penubuhan Biro Pengaduan Awam yang memberi peluang kepada orang awam mengemukakan perasaan ketidakpuasan mereka semasa berurusan dengan pejabat kerajaan. Saya dapati lebih daripada 50 peratus aduan yang diterima oleh biro berkenaan ialah mengenai urusan dengan pejabat tanah. Oleh itu saya merayu supaya kecekapan mengurus di pejabat tanah dipertingkatkan lagi bagi mengurangkan atau menghilangkan samasekali aduan tersebut. Perlu saya tegaskan di sini bahawa mana-mana pegawai yang gagal melaksanakan tugasnya dengan baik boleh diambil tindakan tatatertib atas perakuan yang dibuat oleh Biro Pengaduan Awam.

Tuan-tuan dan puan-puan

9. Selaras dengan dasar kerajaan hari ini, saya harap agar Teknologi Maklumat ( I.T. ) dibangunkan sepenuhnya di dalam pentadbiran tanah. Semua kakitangan hendaklah menjadikan I.T. sebagai budaya kerja mereka. Fikiran dan usaha harus dilakukan bagaimana I.T. boleh dimanfaatkan bagi memberi keputusan yang cepat dan tepat kepada orang ramai yang membuat urusan di pejabat-pejabat tanah. Teknologi maklumat berkembang pesat tanpa batas sempadan. Keperluan kepada maklumat bertambah dan Avolume@ interaksi manusia meningkat dan teknologinya semakin berubah-ubah, maju serta semakin canggih. Oleh itu, bagi membolehkan kita terus bersaing dengan arus kemajuan ini bagi menjamin pembangunan ekonomi yang lebih berbentuk global, maka adalah penting bagi semua pejabat tanah dapat menguasai teknologi maklumat masa kini. Fikiran dan usaha melaksanakan kerja-kerja di pejabat tanah, dari mengumpul, merekod dan mentadbir maklumat hinggalah ke peringkat membuat keputusan hendaklah disesuaikan kepada penggunaan Teknologi Maklumat dan kemajuan elektronik. Seterusnya usaha sedemikian akan dapat mengangkat imej pejabat-pejabat tanah kepada satu taraf yang dihormati dan disegani.

10. Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas kepada pejabat-pejabat tanah yang telah mengamalkan

Sistem Pungutan Hasil Berkomputer dan sedang melaksanakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, secara berperingkat- peringkat. Saya berharap sebarang kelemahan dalam sistem ini mestilah dibaiki dengan segera supaya ianya tidak jadi ketinggalan. Sebagai contohnya Sistem Pungutan Hasil hari ini hanya boleh dilakukan pada satu-satu tempat di negeri berkenaan sahaja, dan tidak seperti bil air/elektrik/telefon yang boleh dijelaskan dimana-mana kaunter awam. Langkah-langkah pembaikan seumpama ini hendaklah diambil segera.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Satu agenda utama yang perlu dihayati dan diperbaiki oleh Pentadbir-pentadbir Tanah ialah mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar-dasar dan undang-undang berkaitan urusan dan pembangunan tanah. Kerajaan memandang berat kegagalan atau keengganan pegawai-pegawai Kerajaan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan. Tidak guna ada undang-undang jika tidak dikuatkuasakan. Manifestasi ketiadaan penguatkuasaan dapat dilihat dari pencemaran sungai-sungai dengan bahan-bahan toksik, penubuhan kawasan- kawasan setinggan, aktiviti pembalakan di kawasan tadahan air, dan lain-lain lagi. Kekurangan atau kelemahan juga berlaku dalam aspek penyelarasan antara agensi-agensi penguatkuasaan. Saya harap perkara ini dapat dikaji dengan mendalam supaya kelemahan-kelemahan ini dapat diatasi dan keupayaan dan kecekapan aktiviti penguatkuasaan dapat ditingkatkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian kerana dapat menganjurkan Persidangan Pentadbir Tanah kali ini. Segala pandangan dan pendapat yang lahir dari perbincangan berkaitan pembentangan beberapa kertas kerja diharap dapat dibuat tindakan-tindakan susulan yang kemas dan teratur, agar ianya dapat menyumbangkan kebaikan kepada pentadbiran tanah di Malaysia.

13. Maka dengan lafaz, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Persidangan Pentadbir Tanah Kali Ketujuh.